

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN**

TARIKH : 8 MAC 2016

RUJUKAN : 8759

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah manfaat kepada Malaysia dengan kemasukan 3,000 pelarian dari Syria ke dalam negara dan adakah mereka ini ditapis terlebih dahulu supaya mereka tidak merbahaya dari segi keselamatan dan kesihatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Penempatan Sementara Migran Syria adalah selaras dengan komitmen Malaysia dalam membantu mengurangkan beban rakyat Syria yang menjadi mangsa kepada situasi konflik di negara tersebut.

Keputusan Kerajaan menjalankan program ini adalah atas dasar kemanusiaan bagi menyahut seruan komuniti antarabangsa untuk menghulurkan bantuan kepada kumpulan migran Syria yang kebanyakannya tergolong daripada kalangan wanita dan kanak-kanak.

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan ini turut memberikan impak positif kepada imej Negara sebagai wakil negara ASEAN yang telah memainkan peranan penting dalam memikul tanggungjawab antarabangsa.

Dalam menjayakan program ini, Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan bagi menjalankan saringan keselamatan ke atas penaja dan migran Syria yang berpotensi dibawa masuk melalui kerjasama dengan kerajaan negara hos.

Selain itu, tahap kesihatan kumpulan migran Syria tersebut juga akan dinilai oleh pakar perubatan bertauliah di negara hos sebelum proses kemasukan ke Malaysia. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang risiko semasa proses perjalanan dan semasa keberadaan di Malaysia. Maklumat tersebut juga adalah sebagai rujukan rekod perubatan bagi tujuan rawatan lanjut semasa menetap secara sementara di Malaysia kelak.